

LIFESTYLE

Cari port ‘healing’ di Cameron Highlands tapi tak nak bersesak, jom menginap di Sekata Apartment Ringlet



By **ISZ YUSLIZA** — July 27, 2024



Cameron Highlands, ahang sememangnya terkenal sebagai antara destinasi percutian pada hujung minggu yang menyajikan panorama menakjubkan dengan kehijauan ladang tehnya.

Hamparan hijau yang terbentang luas disertai suhu nyaman itu juga turut memukau pemandangan sesiapa saja yang melalui lereng tanah tinggi berkenaan bahkan sudah lama sebatи dengan pesona Cameron Highlands.

Disebabkan populariti pusat peranginan ini yang semakin menggambit pelancong dari seluruh pelosok negara khususnya, menjadikan lokasi tumpuan utama seperti di Tanah Rata dan Brinchang semakin sesak terutama ketika hujung minggu dan musim cuti persekolahan.

Sehingga ada yang ingin lari dari kesibukan kota dan menghirup udara segar, tapi apabila ke pusat peranginan ini terpaksa pula berdepan kesesakan jalan raya untuk ke lokasi tumpuan utama. Pasti boleh merosakkan ‘mood’ sekeluarga.

“ Usah bimbang kerana pengunjung mempunyai alternatif lain dengan menginap di kawasan Ringlet, iaitu kawasan yang terkenal dengan penanaman pelbagai pokok bunga dan ladang teh.

Di sini juga terletaknya Sekata Apartment, rumah rehat 32 unit berbentuk apartment dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air lengkap dengan ruang tamu, ruang makan, dapur dan balkoni yang telah mula beroperasi pada 16 Ogos 2017.


Lokasi jauh dari kesesakan

Terletak di kawasan perumahan Taman Orkid Deluxe, Ringlet, Cameron Highlands yang dikelilingi oleh kawasan perbukitan menjadikan Sekata Apartment ini tempat yang terbaik untuk berehat jauh dari

kesesakan terutamanya hujung minggu di Cameron Highlands.

Lokasi kedudukan Sekata Apartment ini hanya sekitar 12km hingga 15km ke Tanah Rata dan Brinchang menjadikan Sekata Apartment sebagai tempat penginapan terbaik bagi pengunjung yang benar-benar mahuakan ketenangan dan mahu 'healing' dari hiruk pikuk kota.

Tidak jauh dari Sekata Apartment anda boleh ke ladang teh berdekatan Ringlet antaranya BOH Heritage Tea Center, Cameron Valley Tea House, Highlands Apiary Farm, Bee Farm & Strawberry Farm.



Unit Standard 3 bilik 2 bilik air berharga RM168 semalam.



Unit Premium hanya RM228 semalam.

Apartment dimiliki Koperasi Kakitangan Bank Rakyat atau nama singkatannya Sekatarakyat ini mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja daripada anggota Sekatarakyat malah pelancong tempatan dan dari luar negara.

Sekata apartment ini dibahagikan kepada 2 jenis unit iaitu Unit Standard dan Unit Premium dimana iaanya boleh memuatkan sehingga 5 orang tetamu.

Alamat: Sekata Apartment @ The Camelia Orchid Deluxe Park, Jalan ODP 2, 39200 Ringlet Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur

Malah, Sekata Apartment turut menawarkan harga promosi penginapan sepanjang tahun 2024 iaitu:

- ♦ Unit Premium @RM228 per unit per malam (Harga Biasa: RM380)
- ♦ Unit Standard @RM168 per unit per malam (Harga Biasa: RM280)

Kolam renang dilengkapi pemanas air

Lebih menarik, apartment ini turut menyediakan kemudahan kelengkapan asas di setiap unit rumah seperti dapur elektrik, microwave, cerek air elektrik, peti sejuk, kelengkapan memasak seperti periuk, kuali dan alatan memasak.

“ Tetamu Apartment Sekata turut disediakan kolam renang terbuka yang dilengkapi dengan pemanas air yang terletak di Sekata Makmur iaitu satu lagi bangunan milik Sekatarakyat yang terletak di kawasan berdekatan.y.

Kolam renang itu kini menjadi tumpuan kerana pengunjung dapat menikmati pemandangan bukit bukau di sekitar Taman Orkid Deluxe yang memberikan suatu ketenangan ketika mandi manda.



Bagi mereka yang ingin mengadakan pelbagai aktiviti, Sekata Makmur juga memiliki padang terbuka di tingkat atas untuk tujuan 'gathering', majlis perkahwinan, team building dan bilik mesyuarat dan persidangan.

Selain itu, di bangunan sama terdapat Restoran Kenny Rogers yang juga menyediakan penghantaran secara percuma kepada mereka yang menginap di Sekata Apartment.

Pada masa sama, Sekata Farmasi juga terletak di kawasan sekitar bagi tetamu yang menghadapi masalah kesihatan untuk mendapatkan ubatan dan kelengkapan diri lain.

Tempahan Sekata Apartment boleh dibuat melalui laman web, tempahan atas talian di Booking.com, Agoda, Traveloka dan Airbnb.

Pelbagai aktiviti keluarga, rakan di Sekata Makmur

Sekata Makmur mula dibuka sepenuhnya pada 20 Mac 2022, mempunyai 24 unit (12 unit bahagian bawah dan 12 unit di bahagian atas) yang bertempat di Jalan ODP 12, Taman Orchid Deluxe, Mukim Ringlet, Cameron Highlands.

Bangunan ini telah diubahsuai bagi menyediakan penyewaan bilik mesyuarat, bilik persidangan, dewan serbaguna dan kemudahan kolam renang di Ringlet dan kawasan sekitar Cameron Highlands.

Kemudahan ini disediakan khusus kepada ahli anggota koperasi dan juga terbuka kepada orang ramai, jabatan kerajaan dan swasta untuk menggunakan fasiliti di Sekata Makmur ini.



Sekata Makmur mempunyai 4 bilik mesyuarat dan 4 bilik persidangan yang boleh memuatkan sehingga 100 peserta dalam satu-satu masa bagi memenuhi keperluan sebarang majlis seperti seminar, kursus, mesyuarat dan juga acara persendirian seperti majlis makan malam dan sambutan ulang tahun kelahiran.

Bagi majlis yang melibatkan peserta yang lebih besar, Dewan Serba Guna Sekata Makmur yang terletak di bahagian bumbung boleh memuatkan sehingga 1,000 orang dalam satu-satu masa.

Lanya telah menjadi lokasi beberapa majlis perkahwinan yang ideal untuk semua kaum Melayu, Cina dan India di sekitar Cameron Highlands, khususnya di Ringlet sendiri.

Ditambah lagi dengan kemudahan Bilik Persalinan Pengantin, Bilik Menunggu VIP serta Bilik Penyediaan Katering turut juga disediakan di sini.

Kolam renang terbuka yang dilengkapi dengan pemanas air menjadikan kolam renang Sekata Makmur tempat tumpuan dan riadah penduduk sekitar Cameron Highlands.

Bayaran masuk hanya RM5 seorang sehari membuatkan kolam renang Sekata Makmur tempat berkumpul khususnya pada hujung minggu dan cuti umum.

• • •

INFO

- Dari Kuala Lumpur, pengguna boleh keluar dari Plaza Tol Tapah ke Ringlet melalui jarak perjalanan hanya kira-kira 46 kilometer.
- Selain Tapah, pengguna lebuhraya PLUS boleh menggunakan laluan dari Simpang Pulai untuk ke Cameron Highlands.
- Jika dari pantai timur, anda boleh menggunakan jalan dari Gua Musang – Lojing – Cameron Highlands atau Raub, Pahang.
- Cameron Highlands atau Tanah Tinggi Cameron adalah destinasi pelancongan tanah tinggi yang terkenal di Semenanjung Malaysia dan anda perlu melalui tiga pekan kecil iaitu Ringlet, Tanah Rata dan Brinchang sebelum tiba di kawasan Kebun Teh Sungai Palas.

